PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

ANJURAN
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN PERLIS)

SEJARAH

Kertas 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **40** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak dan **2** halaman tidak bercetak

[Lihat sebelah

http://edu.joshuatly.com/
http://exammy.com/

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** *dan* **D**.
Pilih **satu** *jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan* **hitamkan** *ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.*

1 Kewujudan petempatan kekal merupakan satu aspek terpenting kemunculan tamadun. Apakah aspek yang ditekankan sebelum sesuatu petempatan kekal dipilih?

A Kelangsungan bekalan makanan
B Kedudukan yang strategik
C Pemerintahan yang stabil
D Mempunyai pelabuhan

2 Apakah fungsi tulang *oracle* dalam amalan keagamaan masyarakat Hwang Ho ?

A Meramal sesuatu keadaan
B Persembahan kepada Tuhan
C Untuk menulis amalan keagamaan
D Menjadi penghubung kepada Tuhan

3 Apakah yang perlu dilakukan oleh masyarakat Tamadun India untuk mencapai taraf sebagai Brahmin yang berpendidikan?

I Menghafal pelbagai buku agama
II Mengendalikan upacara keagamaan
III Menghasilkan banyak buku agama
IV Mempelajari karya saintifik dan falsafah

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

4 Sistem perundangan di China berteraskan falsafah legalisme. Apakah prinsip utama falsafah ini ?

A Hukuman setimpal dengan kesalahan
B Hukuman berbeza mengikut taraf
C Hukuman berat dan bersifat kolektif
D Hukuman lebih bersifat pemulihan

5 Kerajaan awal Asia Tenggara terbahagi kepada kerajaan agraria dan maritim. Antara berikut yang manakah merupakan ciri kerajaan agraria?

A Terletak di lembah-lembah sungai
B Bergantung kepada kegiatan perikanan
C Berperanan sebagai pelabuhan entrepot
D Tertumpu kepada kegiatan perdagangan

http://edu.joshuatly.com/
http://exammy.com/

Bahasa Melayu ialah bahasa perhubungan masyarakat maritim yang telah menjadi bahasa perhubungan atau *lingua franca*.

6 Apakah bukti yang menunjukkan Bahasa Melayu sebagai bahasa lingua franca di Asia Tenggara?

A Digunakan dalam pembacaan ciri
B Digunakan dalam urusan keagamaan
C Digunakan sebagai bahasa perundangan
D Digunakan dalam urusan perdagangan

7 Mengapakah kebanyakan penganut Islam peringkat awal terdiri daripada golongan hamba?

A Semua manusia diberi layanan yang sama
B Sangat menekankan ketinggian akhlak
C Islam mementingkan hak individu
D Islam melarang perhambaan

- Waraqah bin Naufal
- Umaiyah bin Abi Salt
- Uthman bin Huwairith

8 Apakah persamaan tokoh-tokoh di atas ?

A Membantu Nabi ketika berhijrah
B Penentang dakwah Islamiah
C Merupakan pemimpin Kota Makkah
D Pengikut ajaran agama Hanif

9 Apakah tafsiran orientalis Barat mengenai peristiwa Hijrah?

A Penindasan
B Pemulaan
C Pelarian
D Penakut

10 Apakah isu yang ditekankan oleh Nabi Muhammad s.a.w dalam pidatonya selepas berjaya menguasai Kota Makkah?

A Akhlak
B Ketaatan
C Perpaduan
D Ilmu pengetahuan

http://edu.joshuatly.com/
http://exammy.com/

11 Mengapakah Khalifah Umar al-Khattab memisahkan Jabatan Kehakiman daripada jabatan-jabatan lain?

A Memudahkan urusan pentadbiran
B Mengelakkan salah laku hakim
C Memantau pendapatan hakim
D Mengawal keputusan hakim

Pada zaman pemerintahan Kerajaan Bani Umaiyah di Sepanyol, terdapat orang Islam setempat yang tinggal di kawasan pemerintahan orang Kristian.

12 Siapakah golongan yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas?

A Muzarab
B Muhajirin
C Mudejar
D Mawali

• Syeikh Ismail • Fakir Muhammad

13 Apakah persamaan di antara kedua-dua tokoh di atas terhadap perkembangan agama Islam di Asia Tenggara ?

A Mengarang kitab-kitab agama
B Mengislamkan raja-raja di Asia Tenggara
C Merupakan ulama terawal di Asia Tenggara
D Mengembangkan ilmu tauhid dan undang-undang

Wali Songo (Wali Sembilan) berjaya mengislamkan ramai daripada kalangan masyarakat tempatan semasa pemerintahan kerajaan Islam Demak di Jawa

14 Bagaimanakah cara Wali Songo berdakwah ?

I Mengelakkan hidup secara mewah dan membazir
II Memberi bantuan berupa kebendaan kepada penduduk tempatan
III Mengamalkan dasar persahabatan dengan Iskandar Muda Mahkota Alam
IV Berusaha menghapuskan pengganggguran dengan mengikis sifat malas

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

http://edu.joshuatly.com/
http://exammy.com/

- Buah pala
- Bunga cengkih

15 Sistem sukat dan timbangan yang digunakan dalam urusan jual beli rempah ratus di atas ialah...

A Kati
B Tahil
C Dacing
D Bahara

16 Apakah kepentingan konsep Daulat kepada Raja-raja Melayu ?

A Raja akan berkuasa di alam semesta
B Mengukuhkan kedudukan Raja-raja
C Raja mendapat mandat dari Tuhan
D Menjamin keamanan negara

17 Mengapakah pada Zaman Pertengahan di Eropah perniagaan barangan pertanian dikendalikan menerusi sistem tukar barang ?

A Perdagangan semakin merosot
B Penggunaan mata wang terhad
C Penguasaan oleh golongan gereja
D Persaingan dengan pedagang Islam

Wanita dan kanak-kanak perempuan dilarang bekerja dalam perusahaan arang batu

18 Apakah akta tersebut?

A Akta Kilang
B Akta Lombong
C Akta Parlimen
D Akta Sepuluh Jam

19 Apakah peranan "komprador" dalam sistem perbankan di Tanah Melayu pada abad ke-19 ?

A Pemodal yang memberi pinjaman kepada pedagang tempatan
B Pemodal yang memberi pinjaman kepada pedagang Eropah
C Orang tengah antara pedagang tempatan dengan bank Eropah
D Orang tengah antara pedagang Eropah dengan pihak bank

http://edu.joshuatly.com/
http://exammy.com/

20 Mengapakah British memperkenalkan Rancangan Sekatan Stevenson ?

A Memberi perlindungan kepada peladang Eropah
B Mengelak pembukaan ladang-ladang getah baru
C Melindungi kepentingan pengusaha bijih timah
D Menghadkan pembukaan lombong bijih timah

Majikan akan membiayai tambang buruh ke Tanah Melayu. Sebagai balasan, buruh terpaksa bekerja dengan majikan tersebut untuk jangka masa tertentu.

21 Pernyataan di atas merujuk kepada cara kemasukan buruh India ke Tanah Melayu. Apakah cara kemasukan buruh tersebut?

A Sistem Pengambilan Kakitangan
B Sistem Tiket Kredit
C Sistem Kangani
D Sistem Kontrak

22 Apakah tujuan imperialisme Barat di Asia Tenggara pada peringkat awal ? (3)

A Menguasai perdagangan rempah
B Memperoleh tanah jajahan baru
C Meluaskan pasaran barangan
D Mendapatkan bahan mentah

23 Antara berikut yang manakah ciri-ciri perkembangan nasionalisme tahap pertama di Asia Tenggara ?

I Menubuhkan organisasi menentang penjajah
II Masyarakat membuat penentangan terbuka
III Menekankan kesedaran politik
IV Menuntut kemerdekaan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



24 Namakan pertubuhan **X** di atas.

A Kaum Muda
B Kesatuan Melayu Singapura
C Persatuan Sahabat Pena Malaya
D Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak

http://edu.joshuatly.com/
http://exammy.com/

25 Apakah isu yang ditimbulkan oleh majalah Pengasuh dalam membangkitkan semangat kebangsaan di Tanah Melayu ?

A Memajukan ekonomi orang Melayu
B Menggalakkan pendidikan orang Melayu
C Menggalakkan perpaduan di kalangan orang Melayu
D Menuntut layanan sama rata kepada orang tempatan



26 Dalam masyarakat Melayu tradisional, apakah balasan rakyat terhadap situasi di atas ?

A Mengakui kekuasaan raja
B Menjaga keamanan negeri
C Bersatu padu sesama rakyat
D Bekerja memajukan tanah raja

27 Apakah isu yang digunakan oleh Bismarck untuk membangkitkan semangat rakyat Prussia di medan tempur ?

A Penindasan ekonomi oleh penjajah
B Penghapusan sistem feudal
C Kekejaman pihak musuh
D Membenci kuasa asing

28 Mengapakah orang Melayu menentang pemberian kerakyatan jus soli kepada orang dagang?

A Khuatir penduduk bertambah
B Khuatir dengan pengaruh asing
C Bimbang status peribumi terancam
D Bimbang akan kehilangan harta benda

29 Kerajaan British telah mengeluarkan Surat Pekeliling Bil. 9 kepada kakitangan kerajaan yang menentang penyerahan Sarawak kepada British.
Apakah kesan tindakan kerajaan British tersebut ?

A Kakitangan awam berdemonstrasi
B Kakitangan awam meletakkan jawatan
C Kakitangan awam melancarkan mogok
D Kakitangan awam menghantar surat bantahan

http://edu.joshuatly.com/
http://exammy.com/

Tahun 1951
Dato' Onn Ja'afar mencadangkan pembukaan keahlian UMNO kepada orang bukan Melayu.

30 Mengapakah Dato' Onn Ja'afar mencadangkan idea tersebut?

A Menyatupadukan semua kaum
B Mengurangkan tekanan komunis
C Mempercepatkan proses kemerdekaan
D Memberi peluang sama kepada semua kaum

Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955

31 Apakah tindakan yang dilakukan oleh Parti Perikatan sebaik sahaja menang dalam pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?

A Pembentukan kabinet
B Pembentukan Sistem Ahli
C Pelantikan Yang di-Pertuan Agong
D Pengisytiharan tarikh kemerdekaan

Sabah mengemukakan Perkara 20 untuk dimasukkan ke dalam Perlembagaan Malaysia

32 Namakan pihak yang bertanggungjawab membincangkan perkara di atas.

A Suruhanjaya Reid
B Suruhanjaya Cobbold
C Jawatankuasa Antara Kerajaan
D Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum

33 Mengapakah parti-parti politik di Sarawak menentang penubuhan Malaysia pada peringkat awal ?

A Inginkan kemerdekaan terlebih dahulu
B Menolak dasar neokolonialisme Malaysia
C Menolak dasar dekolonisasi Malaysia
D Terpengaruh dengan dakyah Parti Rakyat Brunei

http://edu.joshuatly.com/
http://exammy.com/

• Senarai Persekutuan • Senarai Negeri • Senarai Bersama

34 Mengapakah Perlembagaan Malaysia memperuntukkan senarai kuasa tersebut ?

A Pengukuhan institusi beraja
B Menjamin keharmonian negara
C Pengurusan kewangan lebih sistematik
D Memudahkan penggubalan dasar kerajaan

35 Mengapakah undang-undang negeri boleh terbatal dengan sendirinya ?

A Kekurangan undi majoriti
B Tidak mendapat perkenan sultan
C Tidak mendapat kelulusan Menteri Besar
D Bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan

36 Jadual di bawah menunjukkan antara agensi yang ditubuhkan dalam Rancangan Malaya Pertama.

Tempoh	Rancangan Malaya Pertama
1956 - 1960	• RIDA • FELDA

Mengapakah rancangan tersebut gagal mencapai matlamatnya?

A Kekurangan buruh
B Kejatuhan harga komoditi getah
C Kejatuhan permintaan bijih timah
D Kekurangan kemudahan infrastruktur

37 Senarai di bawah menunjukkan perlaksanaan projek in-situ.

• Besut • Kemubu • Johor Barat

Apakah tujuan program pembangunan in-situ tersebut?

A Membuka bandar baru
B Mengelompokkan kampung
C Memajukan pengeluaran komoditi eksport
D Memulihkan kawasan berproduktiviti rendah

http://edu.joshuatly.com/
http://exammy.com/

38 Apakah tumpuan utama kerajaan dalam Rancangan Malaysia Keempat?

A Memberi tumpuan kepada warga bandar yang miskin
B Memberi tumpuan kepada perkembangan perusahaan berat
C Memberi tumpuan kepada perpaduan penduduk pelbagai kaum
D Memberi tumpuan kepada bidang pertanian yang menguntungkan

39 Apakah elemen penting yang terdapat dalam laporan Penyata Razak 1956 ?

I Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah
II Penyeragaman kurikulum yang bercorak kebangsaan
III Sistem persekolahan yang sama bagi semua penduduk
IV Membina lebih banyak pusat latihan perguruan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Konsep pembelajaran sepanjang hayat

40 Antara berikut yang manakah merujuk kepada konsep tersebut?

A Modal intelek
B Modal insan
C K-ekonomi
D K-masyarakat

KERTAS SOALAN TAMAT

http://edu.joshuatly.com/
http://exammy.com/

SULIT
1249/2
Sejarah
Kertas 2
Ogos
2010
2½ jam

NO. KAD PENGENALAN:

						–			–				

ANGKA GILIRAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

ANJURAN
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN PERLIS)

SEJARAH

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.
2. *Jawab semua soalan daripada* **Bahagian A** *dan* **tiga** *soalan daripada* **Bahagian B**.
3. *Jawapan* **Bahagian A** *hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
4. *Jawapan* **Bahagian B** *hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.*
5. *Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama dengan kertas jawapan* **Bahagian B**.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Bahagian	**Soalan**	**Markah**
A	1	
	2	
	3	
	4	
B	5	
	6	
	7	
	8	
	9	
Jumlah		

Kertas soalan ini mengandungi **7** halaman bercetak dan **1** halaman tidak bercetak

[Lihat sebelah

http://edu.joshuatly.com/
http://exammy.com/

Bahagian A

[40 *markah*]
Jawab **semua** *soalan.*

1. Tamadun Hwang Ho muncul daripada kesuburan tanah yang terdapat di Hwang Ho atau Sungai Kuning.

   (a) Nyatakan peranan golongan bangsawan dalam sistem pemerintahan Dinasti Shang dalam tamadun Hwang Ho.

   (i) .....

   (ii) .....

   [*2 markah*]

   (b) Bagaimanakah raja Dinasti Chou mendapatkan kesetiaan daripada pembesar tempatan ?

   (i) .....

   (ii) .....

   [*2 markah*]

   (c) Nyatakan **dua** sumbangan Dinasti Shang dalam bidang pertanian.

   (i) .....

   (ii) .....

   [*2 markah*]

   (d) Apakah faktor kejatuhan Dinasti Shang ?

   .....

   [*1 markah*]

   (e) Pada pendapat anda, apakah peranan generasi muda Malaysia dalam usaha memajukan ekonomi negara ?

   (i) .....

   (ii) .....

   (iii) .....

   [3 *markah*]

http://edu.joshuatly.com/
http://exammy.com/

2 Kerajaan British telah membawa masuk tenaga buruh dari China dan India untuk membangunkan sektor pertanian dan perlombongan di Tanah Melayu.

(a) Nyatakan **dua** faktor penghijrahan buruh Cina dan India ke Tanah Melayu.

(i) .....

(ii) .....

[*2 markah*]

(b) Salah satu cara kemasukan buruh dari China ke Tanah Melayu ialah sistem pengambilan kakitangan.
Jelaskan tentang sistem pengambilan kakitangan.

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(c) Jelaskan cara kemasukan buruh India ke Tanah Melayu melalui sistem kangani.

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(d) Nyatakan kesan kedatangan buruh dari India dan China kepada penduduk Tanah Melayu.

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(e) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kebaikan yang diperoleh akibat kemasukan buruh luar tersebut ?

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

http://edu.joshuatly.com/
http://exammy.com/

3

Menjelang abad ke-20 terdapat pelbagai persatuan Melayu muncul bagi membincangkan masalah dan persoalan bangsa Melayu.

(a) Senaraikan **dua** isu yang menjadi tumpuan persatuan-persatuan Melayu.

(i) .....

(ii) .....

[*2 markah*]

(b) Nyatakan peranan yang dimainkan oleh Mohammad Eunos Abdullah dalam Kesatuan Melayu Singapura (KMS).

(i) .....

(ii) .....

[*2 markah*]

(c) Nyatakan **dua** sebab kesedaran berpersatuan di Sabah tidak menonjol.

(i) .....

(ii) .....

[*2 markah*]

(d) Apakah tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang menunjukkan kesatuan ini lebih bersifat politik ?

(i) .....

(ii) .....

[*2 markah*]

(e) Pada pendapat anda, apakah faedah menyertai pelbagai persatuan di sekolah?

(i) .....

(ii) .....

[*2 markah*]

http://edu.joshuatly.com/
http://exammy.com/

4.

Penyata Razak dan Laporan Rahman Talib telah dibentuk untuk memurnikan sistem pendidikan negara dan memupuk perpaduan kaum di kalangan pelajar.

(a) Mengapakah Kerajaan Perikatan membentuk Jawatankuasa Pelajaran pada tahun 1955?

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(b) Berikan **dua** cadangan Penyata Razak.

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(c) Nyatakan **dua** syor baru oleh Laporan Rahman Talib 1960 sebagai tambahan kepada Penyata Razak untuk memupuk semangat perpaduan kaum.

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(d) Senaraikan **dua** cadangan yang dikemukakan dalam Laporan Rahman Talib.

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(e) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah caranya anda dapat merealisasikan hasrat negara untuk membentuk konsep 'Satu Malaysia'?

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

http://edu.joshuatly.com/
http://exammy.com/

Bahagian B

[60 markah]
Jawab **tiga** *soalan sahaja.*

5 Perjanjian Hudaibiyah pada tahun 628 M telah menjadi perintis ke arah pembukaan semula kota Makkah.

(a) Nyatakan sebab-sebab pembukaan semula kota Makkah oleh Nabi Muhammad s.a.w. [4 *markah*]

(b) Terangkan kepentingan pembukaan semula kota Makkah. [12 *markah*]

(c) Pada pandangan anda, mengapakah sifat saling bermaafan perlu diamalkan dalam kehidupan seharian? [4 *markah*]



6 (a) Bincangkan faktor-faktor penyebaran Islam melalui kegiatan perdagangan dan perkahwinan di Asia Tenggara. [10 *markah*]

(b) Huraikan bukti kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari Semenanjung Tanah Arab. [6 *markah*]

(c) Pada pandangan anda, apakah nilai murni yang diserapkan oleh pedagang Arab kepada penduduk tempatan? [4 *markah*]

7 Cadangan pembentukan Malaysia telah diumumkan oleh Tunku Abdul Rahman pada 27 Mei 1961 dalam Majlis Makan Tengahari di Hotel Adelphi, Singapura.

(a) Huraikan langkah-langkah pembentukan Malaysia. [10 *markah*]

(b) Jelaskan inti pati Perjanjian Malaysia 1963. [6 *markah*]

(c) Pada pandangan anda, bagaimanakah semangat integrasi antara penduduk Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Tanah Melayu dapat dipupuk? [4 *markah*]

http://edu.joshuatly.com/
http://exammy.com/

8 (a) Huraikan pelaksanaan Sistem Raja Berpelembagaan di Malaysia.
[6 *markah*]

(b) Terangkan bidang kuasa Yang Di-Pertuan Agong mengikut Perlembagaan Malaysia.
[10 *markah*]

(c) Pada pendapat anda, mengapakah institusi Raja Berpelembagaan ini penting kepada negara kita? [4 *markah*]

9 Selepas mencapai kemerdekaan, Malaysia telah menyertai beberapa pertubuhan antarabangsa dan bergiat secara aktif.

(a) Huraikan peranan Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM).
[8 *markah*]

(b) Jelaskan sumbangan Malaysia dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).
[8 *markah*]

(c) Pada pendapat anda, apakah faedah yang diperoleh Malaysia hasil daripada menyertai pertubuhan antarabangsa? [4 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT

http://edu.joshuatly.com/
http://exammy.com/